



DR Shahril (dua dari kiri) menyampaikan cendera kenangan kepada Norlidah sambil disaksikan Hamdan (paling kanan) dan Dayang Rukiyah (dua dari kanan).



NORLIDAH diiring Dayang Rukiyah (dua dari kiri) dan Dr Shahril (kanan sekali) melihat lukisan bertajuk "Betta Splendens" oleh Mohd Jumadin Mohd Basri bernilai RM2,500.

# UMS beri perhatian serius penyelidikan warisan seni tradisi

OLEH MARRYAN RAZAN  
(marryan@newsabahtimes.com.my)

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa memberi perhatian serius terhadap aktiviti penyelidikan dan pembangunan berorientasi warisan seni tradisi.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata ini penting bagi meneruskan legasi kebudayaan Timur khususnya Sabah sebagai sebuah negeri dalam Kepulauan Borneo.

"Pameran bertemakan 'Sabah Tanah Airku' merupakan hasil penyelidikan yang diterjemahkan menerusi gabungan teknologi dan non-teknologi seni visual seperti lukisan, filem dan dokumentari, seni animasi, arca dan seramik."

"Kegiatan seni visual yang aktif mampu menzahirkan pengkarya-pengkarya profesional dan ternama pada masa akan datang dan impaknya bakal memajukan seni visual di negeri ini."

"Selain itu, kekayaan dan keindahan flora dan fauna serta keunikan Sabah yang terbentuk menerusi kesepakatan lebih 31 etnik merancangkan lagi aktiviti penyelidikan berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika beru-

cap merasmikan Pameran Borneo Art Exhibition (NeoARTex 2014), sini, baru-baru ini.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr Shahril Yusuf.

Pameran dua hari anjuran Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) itu turut dihadiri isteri Yang di-Pertua Negeri Sabah yang juga Pengasuh Yayasan Nur Jauhar, Toh Puan Norlidah R.M Jasni.

Turut hadir, Dekan FKSW, Prof. Datuk Mohd Hamdan Adnan; Pengerusi Bengkel dan Pameran, Prof Madya Dr Baharuddin Mohd Arus dan Ketua Pustakawan UMS, Dayang Rukiah Awang Amit.

Sebanyak 81 seni kreatif seperti catan, arca dan seni seramik hasil kreativiti dan inovasi pelajar dari fakulti berkenaan dipamerkan dan dibuka kepada orang ramai sehingga.

NORLIDAH melihat lukisan menarik karya pelajar, Mohd Farid Azamudin Musa, menggunakan media campuran berharga RM3,500.



NORLIDAH melihat melihat lukisan menggunakan pensel, arang dan pestel bertajuk "Ruran Ulung" karya pelajar Junior Kimwha.

